

28/05/1997

15,000 sertai Jambori Pengakap Asia-Pasifik

KUALA TERENGGANU, Selasa - Kira-kira 15,000 pengakap dan pemimpin dari 27 negara seluruh dunia akan menyertai Jambori Pengakap Asia-Pasifik Ke-18 di Kem Seri Keluang, Besut, antara 1 dan 8 Ogos ini.

Daripada jumlah itu, termasuk 18 negara Asia-Pasifik, Eropah (enam), Afrika (dua), Inter-Amerika dan beberapa negara Arab.

Thailand mengesahkan akan menghantar peserta paling ramai lebih daripada 1,000, Korea (340), Filipina (200), Maldives (100), Jepun (100), Indonesia (64), Brunei (50), Singapura (120), Mongolia (enam) dan Papua New Guinea (dua).

Australia, New Zealand, Hong Kong, India, Bangladesh, Pakistan, Sri Lanka dan Taiwan juga akan menyertai jambori itu.

Negara luar wilayah Asia-Pasifik, termasuk Finland, Jerman, Ghana, Chile, United Kingdom, Belgium, Belanda, Amerika Syarikat dan Kanada juga akan hadir.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan jambori itu, di Kem Seri Keluang, pada 2 Ogos ini.

Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, berkata kerajaan negeri menawarkan diri menjadi tuan rumah jambori pengakap Asia-Pasifik berdasarkan kejayaan menganjurkan kejohanan tae-kwan-do antarabangsa tahun lalu.

"Selain kem utama, penganjur juga menyediakan 10 kem kecil di Pulau Perhentian, Pulau Redang, Pulau Rhu, Pulau Bidong, Pulau Cipu, Pulau Kapas, Pulau Gemia, Pulau Tenggol, Pulau Karah dan Pulau Lang Tengah," katanya pada majlis pelancaran tajaan dan bantuan Jambori Pengakap Asia-Pasifik Ke-18 dan Malaysia Ke-9, di Wisma Darul Iman, di sini hari ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja jambori itu, datuk Abdul Rashid Ngah dan timbalannya, Datuk Dr Yusof Nor, hadir sama di majlis itu.

Pada majlis itu, Sekretariat jawatankuasa penganjur menerima sumbangan RM515,300 daripada beberapa syarikat, termasuk Kementerian Belia dan Sukan sebanyak RM300,000.

(END)